

31/10/2003

`Mendidik' walaupun dikritik

By Tamrin Anuar

MALAYSIA dihormati dunia kerana usaha gigih arkitek negara iaitu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed mencorakannya. Sepanjang kerjaya 22 tahun sebagai ketua negara, banyak perkara menarik yang berlaku, khususnya dalam bidang pendidikan.

Dr Mahathir yang pernah menjadi Menteri Pendidikan pada 1974 melakukan pelbagai perubahan, malah idea dan pandangannya, walaupun mencetus polemik, akhirnya diterima.

Antara sumbangan besar Dr Mahathir ialah menjadikan pendidikan sebagai agenda utama negara kerana beliau berpandangan hanya pendidikan mampu merubah pemikiran dan meningkat taraf hidup rakyat, khususnya Bumiputera.

Oleh itu, kerajaan memberi peruntukan besar dalam bajet tahunan. Misalnya, dalam Bajet 2004, Dr Mahathir memperuntukkan RM20.2 bilion, satu perempat daripada peruntukan perbelanjaan mengurus kepada pendidikan.

Di negara ini, usaha untuk mengimbangkan ilmu agama dan dunia amat jelas.

Misalnya, Falsafah Pendidikan Negara (FPN) berteraskan konsep kesepaduan untuk mewujudkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.

Sejak itu, ia menjadi teras dan tunjang kepada semua perancangan, program dan kegiatan pendidikan negara. Bagi mencapai dan menjayakan hasrat FPN ini, Kementerian Pendidikan menggubal kurikulum sekolah menengah yang kini dikenali sebagai Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah pada 1988/89.

Kurikulum sekolah rendah juga diselaraskan dengan FPN pada 1993/94 menjadi Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah.

Pada era Dr Mahathir, jumlah institut pengajian tinggi awam (IPTA) bertambah 17 dan mampu menampung lebih 300,000 pelajar. Kewujudan beberapa universiti swasta merencanakan perkembangan pendidikan di negara ini.

Bagi meningkat kecekapan dan kemahiran graduan, khususnya bagi program yang tidak ditawarkan di universiti dalam negeri, kerajaan terus menghantar pelajar melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi di luar negeri. Kini, dianggarkan lebih 110,000 pelajar Malaysia menuntut di luar negara.

Kemajuan sains dan teknologi adalah keperluan penting dan negara perlu mempunyai sumber tenaga mahir bagi memastikan mereka dapat bersaing pada persada antarabangsa.

Kementerian Pendidikan mengatur pelbagai strategi bagi mempertingkatkan pengambilan pelajar jurusan sains di IPTA dengan sasaran 60 peratus tempat pada 2005.

Era teknologi maklumat (IT) semakin berkembang pesat dan sebagai warga negara yang tidak mahu ketinggalan dalam mempelajari dunia IT, golongan muda dituntut menguasai IT supaya dapat memanfaatkan arus globalisasi.

Kini, sekolah di bandar atau luar bandar mempunyai makmal komputer sebagai persediaan awal Kementerian Pendidikan yang mahukan semua pelajar sekolah menguasai IT.

Dr Mahathir melihat negara sedang melangkah maju ke alaf baru dengan mencapai pelbagai kemajuan pesat yang membanggakan dalam bidang sains dan teknologi serta komunikasi, seterusnya membuktikan kepada dunia kita juga mampu bersaing dengan negara lain.

Pembinaan makmal komputer disokong dengan penyediaan tenaga pengajar mencukupi dan terlatih selain perisian diperlukan sedang dilaksanakan bagi menepati keperluan pendidikan negara.

Pendidikan agama dan dunia perlu diseimbangkan dalam melahirkan generasi berguna pada masa depan. Ini kerana tanpa kedua-duanya, akan wujud sebuah masyarakat yang pincang.

Bagi menyemai dan membentuk masyarakat berguna, mereka perlu dididik dengan pendidikan agama dan akademik yang seimbang berteraskan al-Quran dan sunnah.

Kerajaan tidak pernah cuai dan mengabaikan tanggungjawab dalam menyediakan kemudahan pendidikan agama untuk membentuk masyarakat yang bertanggungjawab kepada agama, bangsa dan negara.

Pembinaan sekolah rendah agama di negara ini bertujuan memastikan pembentukan nilai murni dan akhlak yang mulia di kalangan pelajar dapat dicapai.

Pendidikan prasekolah diberi keutamaan bagi memberi peluang kepada kanak-kanak mendapat pendedahan awal sebelum memasuki alam persekolahan.

Program pendidikan prasekolah Kementerian Pendidikan yang diperkenalkan pada 1992, akan diperluaskan dengan tambahan 1,500 kelas setiap tahun mulai 2003 hingga 2006 dan 1,600 kelas pada 2007.

Menjelang 2007, Kementerian Pendidikan menjangka semua kanak-kanak di seluruh negara berpeluang mengikuti pendidikan prasekolah sebagai persediaan mereka menghadapi alam persekolahan sebenar.

Sekolah bestari juga diwujudkan dengan pengajaran dan pembelajaran dilakukan menerusi bantuan teknologi komputer. Sekolah bestari yang mampu memberi dimensi baru kepada sistem pendidikan terus diperbanyakkan.

Ini sejajar dengan hasrat penubuhan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang mana Projek Rintis Sekolah Bestari adalah satu daripada aplikasi perdana.

Jika segala rancangan berjalan lancar, semua sekolah di Malaysia menjadi sekolah bestari menjelang 2010.

Satu pendekatan yang dilaksanakan Kementerian Pendidikan dan menjadi isu hangat dibincangkan ialah sistem meritokrasi bagi kemasukan pelajar ke institusi pendidikan tinggi awam.

Dr Mahathir berpandangan jauh apabila memperkenalkan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di sekolah mulai tahun ini.

Untuk survival bangsa Melayu, Dr Mahathir mahu perubahan strategik ini dibuat sejajar kemajuan dunia dan adunan baru dalam sistem pendidikan negara itu akan membawa rakyat ke era IT.

Antara rasional Dr Mahathir memperkenalkan pengajaran dalam bahasa Inggeris ialah ingin melihat bangsa Melayu maju ke depan .

Walaupun dimulakan dengan tahun satu, tingkatan satu dan tingkatan enam rendah, pelaksanaan itu mencakupi seluruh peringkat institusi persekolahan menjelang 2008.

(END)